

# KURSUS STRATEGI LAUTAN BIRU DI DALAM PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2017

## **LATAR BELAKANG**

Blue Ocean Strategy Online Training (BOSOT) 2017 adalah kursus yang diperkenalkan susulan pengumuman inisiatif 1Malaysia Blue Ocean Entrepreneur (1MBOE) oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Najib Tun Razak pada tahun 2009. Kursus ini adalah bertujuan untuk membangunkan penjawat awam yang berpemikiran kreatif dan inovatif dalam perancangan serta pelaksanaan pembangunan negara yang strategik.

Keperluan terhadap kursus ini adalah mengambilkira aspirasi negara dalam mencapai status negara maju dengan rakyat berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 seterusnya memastikan kesejahteraan rakyat terus terjamin menjelang tahun 2050. Justeru, dalam mendepani cabaran pembangunan negara, kaedah penyelesaian masalah secara konvensional sudah tidak lagi relevan bila mana sumber yang ada adalah terhad. Sehubungan itu, pendekatan penyelesaian yang kreatif dan inovatif perlu diterapkan dalam kalangan penjawat awam di mana BOSOT adalah salah satu pendekatan yang sangat efektif.

## **AHLI KOLABORASI**

- Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Dasar, Jabatan Perkhidmatan Awam
- Institut Tadbiran Awam Negara
- MAMPU, Jabatan Perdana Menteri
- Kementerian Kewangan
- Malaysia Blue Ocean Strategy Institute

## **KAEDAH KOLABORASI**

Satu Jawatankuasa Tadbir Urus BOSOT dibentuk yang merangkumi fungsi pelaksanaan, pemantauan, urusan logistik, penyelarasan bersama agensi kerajaan, teknikal dan peruntukan kewangan.

180,000 penjawat awam telah dikenalpasti untuk menjalani kursus ini dan dipantau oleh ambassadors di agensi masing-masing.

Kejayaan pelaksanaan adalah berdasarkan persetujuan semua ketua agensi ke atas 2 KPI yang dicapai dalam Mesyuarat KSU-KPPA.